

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.01/10.12/2 (79)

14 Jun 2022  
14 Zulkaedah 1443

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2022**

### **PEMAKAIAN POLISI SUMBER MANUSIA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 119 bertarikh 18 Mei 2022 telah meluluskan Polisi Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia.

2. Polisi Sumber Manusia ini bertujuan bagi memastikan pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang holistik dan sejahtera untuk melahirkan sumber manusia yang kompeten melalui pengetahuan dan teknologi inovatif bagi menyokong fungsi teras Universiti iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, inovasi dan khidmat komuniti dan dasar negara berkaitan sumber manusia.
3. Polisi ini terpakai kepada semua kategori lantikan yang dilaksanakan oleh Universiti Teknologi Malaysia iaitu staf akademik dan staf pengurusan, profesional dan pelaksana (PPP).
4. Polisi ini juga merangkumi tiga (3) bidang utama Sumber Manusia iaitu:
  - 4.1 Pengambilan dan Kenaikan Pangkat (pelantikan baharu, pelantikan semula, kenaikan pangkat, waran perjawatan dan belanjawan);
  - 4.2 Perkhidmatan (termasuk perkhidmatan prestasi, penggajian, kebajikan dan persaraan); dan
  - 4.3 Pembangunan Bakat (latihan, pembangunan kerjaya dan lain-lain)
5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai Pemakaian Polisi Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia yang berkuat kuasa mulai dari tarikh kelulusan Lembaga Pengarah Universiti pada 18 Mei 2022.

6. Polisi ini boleh dimuat turun melalui portal MyUTM di pautan <https://my.utm.my/>.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)  
- Pengarah UTM Kampus Pagoh  
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah